

30 DEC 2001

Siva-Perubatan

CADANGAN BERTUJUAN KESAN PENYAKIT SEJAK AWAL, KATA CUEPACS

KUALA LUMPUR, 30 Dis (Bernama) -- Cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) supaya kakitangan awam diwajibkan menjalani pemeriksaan perubatan apabila mencapai umur 40 tahun bertujuan mengesan penyakit pada peringkat awal.

Presiden Cuepacs Datuk N. Siva Subramaniam berkata pada masa ini, banyak rakyat Malaysia termasuk kakitangan awam yang menghidap penyakit seperti kencing manis dan sakit jantung.

Menurutnya ini menyebabkan kerajaan terpaksa membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk rawatan perubatan kakitangan berkenaan.

"Jika penyakit dapat dikesan lebih awal iaitu ketika mereka masih muda, mereka tidak perlu menjalani pembedahan sebaliknya dapat diberikan ubat," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Siva berkata selain menjimatkan wang kerajaan yang terpaksa dibelanjakan untuk membiayai pembedahan jantung, pelaksanaan cadangan itu juga akan dapat mengelak berlakunya kesesakan di pusat-pusat dialisis.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika mengulas cadangan yang dikemukakan Siva Jumaat lepas, hari ini berkata cadangan itu perlu dikaji secara terperinci supaya matlamatnya telus, jelas dan mengelakkan kerumitan pada masa depan, daripada hanya semata-mata untuk memuaskan hati satu atau dua pihak sahaja.

Siva berkata cadangan Cuepacs itu bukan bermakna kongres itu mahu kakitangan kerajaan yang sakit berhenti kerja.

Sebaliknya, beliau berkata dengan mempunyai kakitangan yang sihat, produktiviti kerja akan meningkat kerana mereka boleh memberi tumpuan kepada kerja harian masing-masing.

-- BERNAMA

MAM MAM LAT